

BULETIN USR 2022 | ISU 1

APA HABA Q HANGPA?



اَوَّلُ مَا لَمْ يَكُنْ لَوْ كُنْ وَمَا لَمْ
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat & Alumni
UiTM Cawangan Pulau Pinang
13500 Permatang Pauh
Pulau Pinang

SEKAPUR SIRIH



Naskah ‘Apa Habaq Hangpa?’ ini adalah ilham yang diterbitkan melalui pemikiran bersama pasukan dari Unit Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni UiTM CPP yang diketuai oleh Koordinator ICAN, Ts Dr Mohd Ikmal Fazlan bin Rozli@Rosli dan Penyelaras Komuniti, Ts. Dr. Mohd Samsudin Abdul Hamid, bertujuan meningkatkan ketampakan dan kemenjadian warga kampus dalam aspek ‘Tanggungjawab Sosial Universiti’ melalui aktiviti-aktiviti yang dirangka bagi mencapai petunjuk prestasi Universiti Terkemuka Dunia UiTM 2025.

Selain itu, naskah ini juga menjadi media utama dalam merekodkan keterlibatan UiTM CPP dalam aktiviti sosial yang berimpak bagi membantu masyarakat setempat dalam pelbagai aspek tidak mengira taraf hidup, warna kulit, agama dan bangsa. Keperihatinan UiTM dalam memastikan taraf hidup masyarakat setempat dapat ditingkatkan dan menjadi kunci setiap program yang dianjurkan.

Dalam pada itu, naskah ini juga sebagai medium untuk memberikan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program tanggungjawab sosial termasuk warga UiTM CPP, masyarakat, Badan Bukan Kerajaan, Syarikat Korporat, Agensi Kerajaan dan rakan strategik.

Penuh harapan agar naskah ini menjadikan lebih banyak pihak luar termasuklah industri, agensi, NGO dan alumni untuk bekerjasama dengan UiTM CPP dalam pelbagai program bagi meningkatkan kualiti hidup, ilmu, kemahiran dan penjana pendapatan masyarakat setempat dalam apa jua bidang.

Profesor Madya Dr. Kay Dora Abd Ghani
Timbalan Rektor
Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni
UiTM Cawangan Pulau Pinang



Keperihatinan UiTM dalam memastikan taraf hidup masyarakat setempat dapat ditingkatkan dan menjadi kunci setiap program yang dianjurkan.